

## **PERANAN AGEN-AGEN SOSIALISASI DOMINAN YANG MEMBENTUK ORIENTASI SEKSUAL INDIVIDU GAY**

*(The Role of Dominant Socialization Agents in Affecting Gay's Sexual Orientation)*

Mohd Rafizey Dalin\* & Nur Hafizah Yusoff

### **ABSTRAK**

Agen sosialisasi merupakan faktor utama yang memberikan pengaruh terhadap lelaki gay. Walau bagaimanapun, agen sosialisasi mana yang paling dominan masih lagi menjadi tanda tanya dalam membentuk orientasi seksual seseorang gay. Justeru itu, objektif utama dalam makalah ini adalah untuk meneliti agen-agen sosialisasi yang dominan dalam membentuk orientasi seksual individu gay. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi. Seramai 10 orang informan yang terdiri daripada kalangan belia berumur 20-26 tahun dan masih belajar di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah *snowball*. Data-data yang terdapat dalam kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah temubual mendalam. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga agen sosialisasi utama yang mempengaruhi orientasi seksual gay iaitu keluarga, rakan sebaya, dan media massa. Kesemua agen-agen sosialisasi ini seterusnya mewujudkan konsep diri tentang orientasi seksual gay dan akhirnya membentuk kesedaran dalam diri sebagai seorang homoseksual. Kesimpulannya, agen-agen sosialisasi memberikan pengaruh secara langsung kepada tingkah laku gay yang terdapat dalam masyarakat moden pada hari ini.

**Kata kunci:** sosialisasi, peranan agen-agen sosialisasi, gay, orientasi seksual

### **ABSTRACT**

Socialization agents are the main factors that determine gay behaviours. However, which socialization agent is the most dominant is still a question mark in influencing gay sexual orientation. Thus, the main objective of this paper is to examine the dominant socialization agents in influencing gaysexual orientation. This study uses a qualitative study design using a phenomenological approach. A total of 10 informants were selected as the study sample using the *snowball* method. The data in this study were obtained by using in-depth interviews. The results of the study found that there are three main socialization agents that influence gay sexual orientation which are family, peers, and mass media. All of these socializing agents in turn create a self-concept of gay sexual orientation and ultimately form an inner self-awareness as a homosexual. In conclusion, socialization agents exert a direct influence on gay behaviours found in modern society today.

**Keywords:** socialization, roles of socialization agents, gay, sexual orientation

## **PENGENALAN**

Pembangunan pesat pada abad ke-21 telah membawa cabaran yang besar kepada masyarakat di Malaysia pada hari ini. Ledakan atau pemodenan yang dibawa dari dalam dan luar negara turut memberikan kesan kepada sosial masyarakat di Malaysia dari pelbagai segi bukan sahaja aspek pembangunan ekonomi dan infrastruktur tetapi juga mendedahkan masyarakat kepada penyakit-penyakit sosial seperti salah laku seksual yang mempengaruhi gaya hidup seks dalam kalangan masyarakat di Malaysia contohnya fenomena LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual, Transeksual/Transgender). Fenomena LGBT sememangnya menyimpang daripada norma masyarakat di Malaysia terutama apabila ia melibatkan isu berkaitan agama dan budaya di negara ini. Kewujudan fenomena ini mencetuskan kontroversi terutamanya apabila ia benar-benar menyimpang daripada ajaran agama Islam yang sebenar di mana Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berpegang kepada ajaran Islam sebagai agama rasmi (Suhaya, 2013).

Dari segi perundangan, hak golongan LGBTQ secara keseluruhannya sememangnya tidak diiktiraf di Malaysia. Dalam tamadun Islam sendiri menghalang perlakuan sodomi (hubungan seks sejenis). Berdasarkan kepada undang-undang Malaysia, individu akan didakwa jika disabitkan dengan kesalahan liwat. Hukuman yang dikenakan ialah 20 tahun penjara termasuk denda dan hukuman fizikal. Bagi yang beragama Islam, mereka juga akan didakwa dalam undang-undang syariah. Mereka yang didapati bersalah melakukan liwat boleh didakwa dan dihukum di bawah seksyen 25 dalam Akta Undang-undang Jenayah Syariah dan di bawah seksyen 377A dan 377B dalam Hukum Kanun Keseksaan Malaysia (Jerome, 2011)

Isu seksual sering dianggap sebagai persoalan yang hangat dan menjadi polemik dalam masyarakat. Realitinya, masyarakat sedang berhadapan dengan bahaya dan ancaman baharu disebabkan perkembangan gejala seksual yang tidak sihat, sehingga menggugat integriti sosial dan masyarakat. Gejala dan isu seksual yang kritikal mencabar serta memberi kesan yang buruk kepada masa depan masyarakat dan negara (Rezki et al., 2019). Isu ini telah menjadi perhatian, perbincangan, isu dan telah dikupas dalam Seminar Seksual Kebangsaan pada tahun 2005 yang telah diadakan di Universiti Malaya (UM). Salah satu isu seksual yang diberi perhatian serius dalam seminar tersebut adalah isu homoseksualiti.

Homoseksual merujuk kepada tingkah laku seks yang ditujukan kepada perhubungan seks sama jantina. Fenomena homoseksual atau lebih spesifik fenomena gay di Malaysia dianggap sebagai krisis identiti di mana individu berkenaan mempunyai tingkah laku yang bercanggah dan bertentangan dengan tatacara kehidupan kehidupan normal seseorang. Keadaan ini menyebabkan masyarakat tidak dapat menerima golongan *gay* malah menjadi bahan cemuhan segelintir masyarakat kerana mereka dianggap telah menyimpang dari norma-norma masyarakat. Masyarakat di Malaysia sememangnya memandang golongan *gay* ini sebagai satu kelompok manusia yang terpesong nalurinya menyalahi fitrah semulajadi manusia dalam berpasangan iaitu lelaki haruslah berpasangan dengan perempuan dan bukannya dengan lelaki begitu juga sebaliknya apatah lagi perbuatan ini dilakukan oleh mereka yang beragama Islam dan hidup dalam sebuah negara yang agama rasminya adalah Islam seperti Malaysia.

Menurut laporan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), golongan gay atau homoseksual kini telah mencecah 310 000 orang dan dijangka akan terus meningkat setiap tahun (Berita Harian Online, 2018). Peningkatan jumlah golongan gay di Malaysia amat membimbangkan kerana boleh memberikan kesan negatif kepada pengamalannya ataupun masyarakat secara keseluruhannya. Menurut *Global Aids Response Progress Report Malaysia* (2015), berlaku peningkatan trend jangkitan HIV melalui hubungan seksual tanpa perlindungan yang melibatkan golongan homoseksual. Bukan itu sahaja, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (2014) menunjukkan telah berlaku peningkatan kes HIV dalam kalangan golongan homoseksual, iaitu daripada 301 kes pada tahun 2010 kepada 984 kes pada tahun 2014. Keadaan ini menggambarkan bahawa pengamal homoseksual sangat berisiko untuk dijangkiti HIV dan jumlah mereka terus meningkat dari setahun ke setahun.

Terdapat beberapa pandangan dan tanggapan mengenai gay. Terdapat pandangan bahawa homoseksual merupakan penyakit emosi. Tidak kurang juga yang menganggap homoseksual itu disebabkan oleh kecacatan otak dan hormon yang berbeza di dalam badan seseorang lelaki gay jika dibandingkan dengan lelaki yang normal. Menurut Bell et al. (1981) dan Troiden (1998), orientasi seksual sama ada heteroseksual, homoseksual atau biseksual bukan sesuatu yang dipilih. Fenomena ini perlu difahami dari akar umbi yang memperlihatkan bahawa hanya individu tersebut yang mengetahui orientasi seksualnya dan bukanlah sesuatu yang bersifat pilihan. Seperti juga heteroseksual, golongan gay mempelajari dan menemukan orientasi seksual mereka. Mereka tidak direkrut, dipujuk atau berfikir untuk menjadi seorang gay (Bell et al. 1981). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses membuat keputusan untuk menjadi gay dipengaruhi oleh faktor dalaman yang berasal daripada dalam diri mereka dan diperkuatkan lagi oleh faktor persekitaran, iaitu melalui pengaruh agen-agen sosialisasi yang ada di sekitar mereka. Selain itu, identiti seseorang gay tidak akan terbentuk tanpa didorong oleh keinginan yang datang dari dalam diri mereka sendiri untuk menjadi seorang gay.

Pada mulanya seseorang gay belum memiliki pengetahuan yang tepat dan jelas mengenai orientasi seksualnya. Ia hanya mengikuti perasaan dan menikmati rasa sensasi terhadap ketertarikan pada kaum sejenis tanpa memikirkan kesan tindakannya. Rasa ketertarikan yang awalnya hanya dipendam kemudian diwujudkan dalam komitmen untuk menjalinkan hubungan (Nugroho et al., 2010). Ketertarikan fizikal mahupun seksual kemudian berubah menjadi keinginan untuk menjalin hubungan secara intim. Hubungan yang terjalin sama ada antara pasangan homoseksual atau rakan-rakan gay yang lain memberikan suatu bentuk sokongan kepada gay untuk meneruskan kehidupan mereka sebagai seorang homoseksual. Hubungan yang terjalin itu memberikan seseorang gay itu kepuasan dari aspek seksual mahupun emosi kerana merasakan diri mereka telah menemui sesuatu perasaan yang selama ini kurang diketahui dan tidak dapat diterokai dengan lebih mendalam. Dengan itu identiti sebagai seorang homoseksual diperkukuhkan lagi dengan merasakan hubungan sejenis yang terjalin mampu memenuhi keperluan emosi dan juga seksual. Sokongan sosial dari teman yang senasib dan organisasi khas dari segi material dan perkongsian maklumat mengenai gay membolehkan mereka semakin menikmati dan mengamalkan orientasi seksual mereka sebagai seorang homoseksual ataupun gay (Nugroho et al. 2010).

Walaupun terdapat norma-norma yang mengatur kehidupan anggota sesebuah masyarakat, tetapi masih wujud perlakuan-perlakuan yang bersifat menyimpang daripada norma-

norma yang telah ditetapkan. Makalah ini memperihalkan agen-agen sosialisasi dominan yang terlibat dalam proses sosialisasi itu dan bagaimana sebenarnya agen-agen sosialisasi mempengaruhi individu gay sehingga mereka memilih untuk menjadi seorang gay tegar.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Sosialisasi**

Thorson (1995) menyatakan sosialisasi adalah satu proses individu berinteraksi dengan kelompok masyarakat dan mempelajari norma, nilai, peranan dan pembentukan perilaku di mana proses ini merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat. Sosialisasi adalah satu proses sosial yang dilalui oleh seseorang individu sepanjang hayatnya untuk menjadi anggota sesebuah kelompok dengan mempelajari kebudayaan dan peranannya dalam kelompok tersebut (Ting Chew Peh 1985). Ringkasnya, sosialisasi ialah proses manusia mempelajari kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan peranan sosial mereka (Rohana Yusof 2014).

Elemen-elemen yang terdapat daripada persekitaran seperti orang perseorangan, kelompok dan institusi yang memberi sumbangan kepada proses sosialisasi dikenali sebagai agen-agen sosialisasi (Rohana Yusof 2010). Menurut Anderson dan Taylor (2013), agen-agen sosialisasi amat penting di dalam kehidupan seseorang. Agen-agen tersebut bertindak sebagai penentu kehidupan seseorang dan adaptasi mereka di dalam sesebuah masyarakat. Keluarga merupakan agen sosialisasi yang terpenting oleh sebab keluarga ialah kelompok asas yang pertama bagi kebanyakan individu. Keluarga adalah agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Lazimnya ibu bapa akan mengajar anak-anaknya mengenai apa yang boleh dilakukan dan apa sahaja yang tidak boleh dilakukan. Daripada ibu bapa, kanak-kanak akan mempelajari kemahiran, sikap, norma dan nilai-nilai seperti kejujuran, amanah, rajin, bersih dan hormat menghormati.

Maka sosialisasi adalah proses di mana ahli keluarga terutama kanak-kanak mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran yang dipunyai oleh masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri. Tanpa sosialisasi kanak-kanak tidak dapat berinteraksi, bekerja sebagai satu kumpulan atau melakukan kawalan diri. Sosialisasi berlaku secara sedar atau tidak sedar. Menurut Dhiva Airlangga (dalam Khairudin 2008, : 63), menyebutkan Sosialisasi adalah sebuah proses belajar iaitu proses akomodasi di mana seseorang individu tersebut menahan, mengubah impuls-impuls dalam dirinya dan mengambil cara hidup atau kebudayaan masyarakatnya itu untuk dipraktikkan didalam diri mereka mengikut nilai-nilai tersebut. Dalam proses sosialisasi ini, individu akan mempelajari cara-cara, sikap, idea-idea, pola-pola, nilai dan tingkah laku, dan tingkah laku normal dalam masyarakat di mana mereka hidup. Semua sikap, percakapan yang dipelajari dalam proses sosialisasi itu disusun dan dikembangkan sebagai suatu kesatuan sistem dalam seseorang tersebut.

Menurut Ferrante (2000), sosialisasi ialah proses pembangunan manusia melalui budaya yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Proses sosialisasi merupakan proses pembelajaran yang berlaku sepanjang hayat dan melengkapkan individu dengan peranan dan kedudukan yang bakal dipenuhi dan dilaksanakan kemudian nanti (Fatimah 1994). Bahkan,

tanpa proses tersebut seseorang tidak dapat berinteraksi, bekerja sebagai satu kumpulan atau melakukan kawalan diri. Sosialisasi membantu seseorang memainkan peranannya dengan sempurna dan pada masa yang sama ia membantu mengekalkan kumpulan dan masyarakat. Idea, nilai dan pola tingkah laku yang menyatukan masyarakat akan dapat terus dikekalkan walaupun ahli-ahlinya berganti.

Terdapat beberapa tahap perkembangan yang harus dilalui oleh seseorang individu yang melibatkan perkembangan fizikal, emosi, mental, psikologi dan sosial, iaitu tahap bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan akhir sekali tua. Walaupun kanak-kanak diajar secara langsung, cara-cara bertingkah laku, sikap dan nilai yang baik di rumah dan di sekolah, namun tingkah laku, sikap dan nilai kumpulan lain dalam masyarakat secara tidak langsung juga akan dipelajari oleh kanak-kanak hasil tingkah laku atau perbuatan orang di sekitarnya. Melalui sosialisasilah seseorang belajar isi kandung kebudayaannya. Melalui sosialisasilah kebudayaan manusia dapat dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Peranan sosialisasi dimainkan oleh beberapa agen utama, iaitu keluarga, sekolah, rakan sebaya, agama dan media massa. Nilai dan norma yang disampaikan oleh agen-agen sosialisasi adalah berbeza antara satu sama lain dan tidak selamanya kekal. Apa yang diajarkan oleh keluarga terhadap seseorang mungkin berbeza dan mungkin juga bertentangan dengan apa yang diajarkan oleh agen-agen sosialisasi yang lain. Sebagai contoh, anak-anak diajar untuk tidak merokok atau minum minuman keras, tetapi mereka mempelajarinya daripada rakan sebaya atau media massa. Proses sosialisasi akan berjalan lancar apabila mesej-mesej yang disampaikan oleh agen-agen sosialisasi itu tidak bertentangan dan sebaliknya menyokong antara satu sama lain (Putri Ayu 2010). Boleh dikatakan manusia dilahirkan dalam keadaan tak berdaya. Ia akan bergantung pada orang tua dan orang lain yang berada di lingkungannya untuk tempoh tertentu. Seiring dengan perkembangan waktu dan usia, seorang anak perlahan-lahan akan melepaskan dirinya daripada keadaan ketergantungannya pada orang tua atau orang lain di persekitarannya untuk belajar mandiri dan bersosialisasi dengan lingkungan lain sekitarnya. Sosialisasi dimulai dari keluarga kemudian sekolah, rakan sebaya, sekolah, agama dan media massa. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin melihat agen-agen sosialisasi dominan yang mempengaruhi pembentukan orientasi seksual gay.

## **Gay**

Gay merupakan istilah yang diperkenalkan untuk menunjukkan orientasi seksual seseorang dalam masyarakat. Ia merupakan istilah yang mulanya digunakan untuk menunjukkan orientasi seksual seseorang iaitu secara nalurinya tertarik kepada kaum sejenis. Orientasi seksual pula merujuk kepada tarikan emosi dan seksual seseorang kepada seks tertentu yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu heteroseksual, homoseksual, biseksual dan aseksual (Machionis 2012). Perkataan gay pada asalnya membawa maksud gembira, ceria atau terang tetapi pada tahun 1960 ia membawa maksud utama iaitu homoseksual (Oxford American Dictionary 2010). Perkataan gay ini dirujuk untuk menunjukkan lelaki yang tertarik secara seksualnya kepada lelaki. Namun perkataan ini juga menunjukkan wanita yang tertarik kepada wanita secara seksualnya. Namun begitu, dalam masyarakat kini perkataan gay lebih menunjukkan lelaki homoseksual manakala perkataan lesbian adalah merujuk wanita homoseksual (Masters, Johnson

& Kolodny, 1992). Dalam konteks kajian ini, gay merupakan lelaki yang mempunyai minat terhadap lelaki.

Penggunaan istilah gay ini merujuk kepada homoseksualiti seawal abad ke-19, namun penggunaannya semakin digunakan pada abad ke-20. Perkataan homo adalah berasal dari perkataan Yunani yang bererti sama dan sex yang bererti jenis kelamin. Istilah ini menunjukkan penyimpangan kebiasaannya yang menyukai jenisnya sendiri, misalnya lelaki menyukai lelaki dan perempuan menyukai perempuan. Perkataan ini bermula dikaitkan dengan tidak bermoral seawal abad ke-14. Menjelang abad ke-17 ia telah diertikan dengan makna ketagihan terhadap keseronokan dan berfoya-foya (addicted to pleasures and dissipations) iaitu lanjutan dari perkataan *carefree* dan melibatkan perkataan tidak disekat oleh moral. Penggunaan gay bermakna homoseksual adalah berasal daripada lanjutan perkataan sexualised iaitu *carefree* dan *uninhibited* di mana secara tidak langsung membawa maksud kesanggupan untuk tidak mengendahkan adat resam atau menghormati seksual mores. Hal ini menunjukkan bahawa, perkataan gay sememangnya menggambarkan aktiviti tidak bermoral (Online Etymology Dictionary 2003).

Secara umumnya, istilah gay dilihat sebagai kurang sarat dengan kesan negatif berbanding istilah homoseksual. Istilah gay digunakan untuk menggambarkan homoseksual lelaki dan wanita lesbian namun telah menjadi khusus dikaitkan dengan lelaki homoseksual. Asal usulnya tidak jelas tetapi kemungkinan berasal daripada perkataan Perancis iaitu *gaie*. Sepanjang abad yang lalu, ia telah digunakan sebagai bentuk kod perkataan antara homoseksual lelaki. Walau bagaimanapun, pada lewat tahun 50-an dan 60-an, ia mula digunakan setiap hari dalam bersama dengan mempertahankan hak-hak gay. Dalam konteks perkataan gay kini, ia mewakili perkataan yang tidak membawa kepada konotasi negatif tetapi dikaitkan dengan perkataan positif dan perasaan bangga dengan identiti diri (www.avert.org 2014).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk fenomenologi. Kawasan kajian adalah di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Seramai sepuluh orang informan yang terdiri daripada belia yang berumur di antara 20 hingga 26 tahun, masih belajar dan mengakui orientasi seksual sebagai homoseksual atau pun gay. Pemilihan informan adalah melalui teknik pensampelan *snowball*. Teknik pensampelan *snowball* adalah teknik yang dilakukan bagi memperoleh maklumat daripada informan untuk mendapatkan informan yang seterusnya. Informan kajian diminta untuk mencadangkan informan seterusnya yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai berdasarkan kajian yang dijalankan.

Teknik pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini adalah temubual secara mendalam dan tidak berstruktur. Temubual tidak berstruktur membolehkan informan meluahkan sesuatu pengalaman dan pandangan secara terperinci dan mendalam. Temubual ini sesuai dalam kajian kes kerana ianya membenarkan soalan terbuka dan proses menjawab (*open-ended question and answering*) antara pengkaji dan informan dengan menekankan penerokaan terhadap sesuatu yang dianggap penting terutamanya satu fenomena. Perakam suara telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data dan maklumat yang ingin dikumpul. Data dianalisis dengan teknik menterjemah rakaman temubual bersama informan dalam cara persembahan kes.

Tema serta kod-kod yang tertentu diberikan kepada semua maklumat yang berkaitan dan maklumat tersebut dianalisis berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

### **Etika Penyelidikan**

Dalam kajian ini prinsip-prinsip etika sebelum dan selepas kajian telah dipatuhi. Kajian ini berhadapan dengan individu atau subjek yang terdiri daripada golongan gay di mana melibatkan isu yang sensitif dalam masyarakat. Sebagai pengkaji, etika kerahsiaan telah diambil peduli demi menjaga maruah dan identiti subjek daripada terdedah kepada umum. Pengkaji harus mengekalkan tahap kerahsiaan subjek dari segi nama dan gambar serta tempat tinggal demi menjaga keselamatan dan keharmonian subjek. Maka sebelum menemu bual subjek, pengkaji telah menyatakan tujuan sebenar kajian, dan menjamin bahawa nama dan peribadi subjek tidak akan terjejas jika terlibat dalam kajian ini. Selain itu setiap informan yang terlibat terlebih dahulu dimaklumkan tentang latar belakang pengkaji, tujuan pengkaji menemu bual mereka dan kepentingan penglibatan mereka dalam kajian ini. Maklumat-maklumat terutamanya nama-nama yang diperoleh dalam temu bual adalah rahsia dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak. Data-data yang diperoleh hanya akan digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini.

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian mendapati terdapat tiga agen sosialisasi utama yang terlibat dalam proses sosialisasi seseorang menjadi gay. Agen-agen sosialisasi tersebut ialah keluarga, rakan sebaya, dan media massa. Proses sosialisasi yang dialami oleh golongan gay bukan hanya melibatkan satu agen sahaja, tetapi berlaku secara berterusan antara beberapa agen sosialisasi yang dinyatakan. 1, rata-rata informan adalah berusia dalam lingkungan 20 hingga 26 tahun dan kesemuanya adalah beragama islam. Mereka berasal daripada negeri- 45 negeri yang berlainan seperti Sabah, Selangor, Pahang, Johor (2), Negeri Sembilan, Kelantan, Sarawak, Selangor dan Melaka.

### **Latar Belakang Informan**

Dalam kajian ini, seramai sepuluh orang informan yang terdiri daripada lelaki homoseksual atau lelaki gay yang mempunyai pengalaman menjalani kehidupan sebagai gay selama lima tahun ataupun lebih telah dipilih menjadi informan dalam kajian ini. Rata-rata informan adalah berusia dalam lingkungan 20 hingga 26 tahun, masih belajar dan kesemuanya adalah beragama Islam. Mereka berasal daripada negeri- 45 negeri yang berlainan seperti Sabah, Selangor, Pahang, Johor (2), Negeri Sembilan, Kelantan, Sarawak, Selangor dan Melaka. Jadual 1 menunjukkan latar belakang informan.

Jadual 1: Profil Informan

Informan	Umur	Negeri Asal	Peringkat Pengajian
1	26	Sabah	Sarjana

---

2	24	Selangor	Sarjana Muda
3	22	Pahang	Sarjana Muda
4	22	Johor	Sarjana Muda
5	23	Negeri Sembilan	Sarjana Muda
6	23	Johor	Sarjana Muda
7	23	Kelantan	Sarjana Muda
8	22	Sarawak	Sarjana Muda
9	22	Selangor	Sarjana Muda
10	20	Melaka	Sarjana Muda

---

## **Agen-Agen Sosialisasi Dominan**

### ***Keluarga***

Keluarga merupakan agen sosialisasi yang banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Bahkan, keluarga merupakan institusi pertama bagi seseorang anak membesar dan berkembang. Agen sosialisasi dalam keluarga meliputi ayah, ibu dan sebagainya yang tinggal hidup bersama di dalam satu rumah. Lazimnya ibu bapa akan mengajar anak-anaknya mengenai apa yang harus dilakukan dan apa yang harus dilarang. Daripada ibu bapa, kanak-kanak akan mempelajari tentang kemahiran, sikap, norma dan nilai-nilai seperti kejujuran, amanah, rajin dan hormat-menghormati. Kanak-kanak semasa dilahirkan diibaratkan seperti sehelai kain putih. Bagaimana kemudiannya personalitinya dibentuk adalah bergantung kepada keluarganya, rakan sebayanya, sekolahnya dan unsur-unsur lain yang terdapat dalam alam sekitarnya. Pada peringkat awal, kanak-kanak menghabiskan sebahagian besar masanya dengan keluarganya. Keluarga ataupun lebih spesifik ibu bapa mempunyai pengaruh secara langsung terhadap orientasi seksual anak-anak lelaki mereka lebih-lebih lagi pada peringkat kanak-kanak kerana mereka belum mengenal dunia luar. Hasil kajian mendapati dua aspek yang menjadi punca kepada masalah krisis atau kecelaruan identiti di peringkat kanak-kanak, iaitu galakan ibu bapa dan komposisi jantina dalam keluarga.

### ***'Diperempuankan' oleh Ibu Bapa***

Antara faktor utama yang mendorong kewujudan gay adalah tindakan ahli keluarga 'memperempuankan' anak lelaki mereka sejak kecil. Asuhan atau didikan ibu bapa yang kurang sempurna menyebabkan anak-anak mengalami krisis identiti (Yohan & Aminuddin, 2002). Kesilapan yang berlaku dalam mendidik anak-anak sejak kecil seperti 'memperempuankan' anak lelaki ini boleh dijelaskan melalui pendekatan patologi sosial berkaitan penyakit sosial atau penyakit masyarakat. Dalam hal ini, tindakan si ibu mendidik anak lelaki seperti anak perempuan



menunjukkan suatu bentuk disorganisasi sosial, dalam erti kata si ibu tidak menjalankan peranannya dengan baik. Beliau telah mendidik anaknya dengan cara yang akhirnya telah mengganggu proses perkembangan anak tersebut dan akibatnya telah mendatangkan masalah menjadikannya seorang homoseksual ataupun gay.

Bagi Bandura (1977), kanak-kanak mempelajari peranan gender melalui ibu bapa. Kanak-kanak memerhati dan meniru model tingkah laku gender daripada ibu bapa serta menerima ganjaran terhadap kesesuaian gender atau dikenakan hukuman oleh ibu bapa terhadap tingkah laku yang tidak senonoh. Anak-anak lelaki yang dipakaikan dengan pakaian perempuan menyebabkan mereka merasakan diri mereka sebagai seorang perempuan. Mereka akan terus belajar dan meniru aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak perempuan seperti memakai *make-up* dan melakukan *catwalk*. Apa yang lebih merisaukan ialah apabila anak-anak lelaki ini mula mempunyai ketertarikan seksual terhadap kaum sejenis. Mereka mula menyimpan perasaan terhadap lelaki lain dan mempunyai keinginan seksual untuk melakukan hubungan seks sejenis.

*Informan 1: Masa aku kecil kecil-kecil dulu, mak aku ada bagi aku pakai baju gegirl. Mak aku dulu nak sangat anak perempuan. Tu lah pasal kot lama-lama naluri aku pun suka apa yang perempuan suka. Terutamanya suka dengan lelaki.*

*Informan 2: Mak I dulu memang nak sangat anak perempuan. Bila lahir tengok I lelaki. Dari kecil mak I selalu minta tolong buat kerja-kerja rumah. Macam anak perempuan pula I rasa. Then bila lama-lama terbiasa buat kerja perempuan, pakai baju perempuan, mestilah I fefeling perempuan kan? Dah lama-lama tu naluri I pun sama macam diorang which is suka dengan lelaki*

*Informan 3: Yes, I akui I memang dah lembut sejak kecil lagi. Mak I selalu pakaikan baju kakak-kakak I tau dulu. Then I pernah juga drag. Tapi I boleh tahan diri lagi tak jadi trans, jadi gayboy je sebab lagi syok.*

Pengalaman ‘diperempuankan’ sejak kecil sebenarnya telah memberi kesan yang negatif kepada anak lelaki. Ramai dalam kalangan anak-anak lelaki yang berperwatakan lembut menjadi mangsa liwat orang terdekat seperti sepupu, dan bapa saudara. Pengalaman hitam sejak kecil ini juga menyebabkan ramai dalam kalangan anak-anak yang berperwatakan lembut ini memilih untuk menjadi gay tegar akibat pengalaman seksual yang dialami.

*Informan 4: I pernah kena liwat dulu dengan sepupu I. Yelah, dia pun cakap sebab I macam perempuan, so I kena puaskan nafsu dia. I boleh cakap I selalu main dengan sepupu I tu. Even dia dah kahwin sekarang pun still cari I tau sebab dia kata dia puas main dengan I*

*Informan 5: I dulu selalu kena kacau dengan bapa saudara I. Pernah sekali tu dia approach I main dengan dia masa mak dengan ayah I takde kat rumah. I mulamula tak nak tapi dia paksa juga I. Alasannya sebab I lembut macam perempuan. Dia juga sebenarnya yang ajar I jadi gay.*

*Informan 6: I selalu juga kena kacau dulu dengan sepupu-sepupu I. Yelah I lembut. Pernah sekali tu abang sepupu I suruh I buat oral seks dekat dia. Dia pujuk I walaupun mula-mula tu I tak nak. Tapi lama-lama tu I jadi addicted. Then selalu main dengan abang sepupu I tu.*

Ketiadaan kawalan sosial daripada ibu bapa menyebabkan anak-anak lelaki ini terus berada dalam 'dunia' songsang tanpa disedari. Ada dalam kalangan anak-anak lelaki ini yang menyimpan hasrat untuk menjadi seorang transgender apabila dewasa kelak. Walau bagaimanapun, dalam konteks gay, mereka lebih suka berpenampilan seperti lelaki normal demi menutup identiti seksual sebenar mereka. Oleh yang demikian, pada peringkat kanak-kanak, anak-anak lelaki yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi gay menggunakan strategi tertutup sepanjang mereka berhadapan dengan keluarga kerana bimbang ibu bapa mereka sendiri tidak dapat menerimanya sekiranya diketahui. Secara keseluruhannya, tindakan 'memperempuankan' anak lelaki sejak kecil lagi telah mendedahkan anak-anak kepada kecelaruan identiti sama ada disedari ataupun tidak. Proses sosialisasi ini berterusan apabila anak-anak mula terdedah dengan dunia luar.

### *Kompisiti Jantina dalam Keluarga*

Anak lelaki yang dilahirkan dalam keluarga yang mempunyai adik-beradik yang kesemuanya lelaki atau kesemuanya perempuan berpotensi untuk mengalami masalah kecelaruan identiti (Syed Muhammad Afifi, 2002). Sebagai contoh anak lelaki yang dilahirkan di dalam keluarga yang mempunyai ramai adik beradik perempuan cenderung untuk meniru atau mempelajari tingkah laku adik-beradik perempuan yang lain seperti cara berpakaian, bermain anak patung, dan memakai alat solek.

*Informan 7: Aku ramai adik beradik perempuan. Time aku kecik dulu, aku suka tengok kakak aku make up. Bila dia tak ada di rumah,, aku curi-curi pakai. Seronok pula rasa. Bila petang aku ikut kakak aku masak-masak dengan kawan-kawan dia.*

*Informan 8: Aku ni anak bongsu daripada lima orang adik beradik. Yang lain semua perempuan. Kadang-kadang aku pun terikut cara kakak-kakak aku tu. Nak berkawan dengan siapa lagi kalau bukan dengan kakak-kakak aku. Mak ayah pula tak ada nak tegur aku.*

*Informan 9: I anak bongsu. Tapi semua adik beradik I lelaki. And I sorang je lembut. Mak I layan I macam anak perempuan kat rumah. I lah pula yang buat kerja-kerja dapur tolong my mom kat rumah tu.*

Tingkah laku seperti yang telah dinyatakan di atas telah menyumbang kepada masalah kecelaruan identiti ketika masih kanak-kanak lagi. Menurut Kohlberg (1996), ahli psikologi berpendapat bahawa bukan peraturan yang menentukan apa yang anak lelaki atau perempuan perlu lakukan tetapi melalui kesedaran dalam diri anak lelaki atau anak perempuan tersebut. Mereka mengenal diri melalui tingkah laku keluarga, media dan menerima tingkah laku mengikut agen yang ada di sekelilingnya.

## **Rakan Sebaya**

Sosialisasi melalui rakan sebaya adalah yang paling efektif berbanding dengan sosialisasi melalui keluarga mereka kerana sosialisasi rakan sebaya berlaku secara tidak formal dan tidak sengaja. Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang kuat pada peringkat remaja, terutamanya dari segi psikologi dan sosial individu. Apa yang ahli kumpulan cakapkan, lakukan, bahasa yang digunakan, kesemuanya meninggalkan kesan ke atas kanak-kanak. Ahli-ahli dalam kumpulan rakan sebaya juga belajar untuk membangunkan hubungan dengan orang lain. Selain itu, rakan sebaya menjadi rujukan sosial yang penting bagi ahli dalam kumpulan berkaitan norma-norma sosial dan ideologi yang berbeza. Oleh itu, individu akan cuba menghayati norma, nilai, dan kod yang terdapat dalam kumpulan supaya ia akan disanjung oleh kumpulannya. Dalam kumpulan rakan sebaya mereka tidak suka diganggu oleh pihak yang lebih berkuasa seperti ibu bapa atau sekolah. Mereka belajar berdikari dan membentuk peraturan, nilai dan norma kumpulan tersendiri. Kesan buruk rakan sebaya boleh berlaku apabila ahli kumpulan dikehendaki menolak nilai-nilai ibu bapa dan masyarakat, dan mengikut nilai norma kumpulannya.

### *Rakan Sebaya sebagai Kumpulan Sokongan*

Kumpulan Sokongan tingkah laku gay juga berkait rapat dengan pengaruh rakan sebaya (Mohd Nazri, 2004). Dengan adanya rakan-rakan yang mempunyai keinginan seks yang sama, iaitu terhadap kaum sejenis menjadikan golongan ini lebih berani dan tidak merasa keseorangan. Rakan sebaya juga dianggap memahami perasaan dan hati masing-masing yang mewujudkan perasaan diterima (*a sense of belongings*) oleh kumpulan (Rokiah, 1995). Dengan adanya rakan-rakan yang mempunyai keinginan seks yang sama, iaitu terhadap kaum sejenis menjadikan golongan ini lebih berani dan tidak merasa keseorangan. Pengaruh rakan-rakan didapati begitu penting dalam mempengaruhi tingkah laku gay.

*Informan 10: Aku tak ada masalah nak berkawan dengan lelaki straight, tapi aku lebih selesa berkawan dengan orang yang memahami perasaan dan jiwa aku. Baru aku rasa macam tak lonely. Yelah duduk sekepala dengan orang-orang yang kenal dan faham kita. Kalau ada masalah, diorang nilah yang akan support aku.*

*Informan 1: Sepanjang hidup aku, ni dah bermacam-macam orang aku kawan. Aku ramai kawan gay. Rasa macam tak boleh kalau tak ada kawan-kawan aku. Sebab aku rasa hanya kawan-kawan gay aku yang memahami jiwa aku. Takkan nak bercerita dengan keluarga pula kan. Matilah aku kalau family aku tahu.*

*Informan 2: Bagi aku kawan-kawan sangat penting. Ada kawan aku boleh cerita masalah aku. Lagi best kalau kami cerita pasal masalah peribadi masing-masing.*

Jalinan hubungan sesama gay ini dilihat sangat penting dalam menjalani kehidupan sebagai seorang gay. Berdasarkan kes yang dinyatakan, dengan adanya rakan-rakan gay lain mereka lebih rasa dihargai, disayangi, serta mempunyai tempat untuk mereka berkongsi masalah

termasuk kisah percintaan tanpa bimbang dan rasa malu. Kehadiran rakan-rakan gay menghilangkan rasa kesunyian yang dialami oleh lelaki gay kerana kekosongan jiwa dapat dihapuskan dengan rasa kasih sayang. Walaupun hubungan persahabatan antara golongan gay dan heteroseksual tidak jauh berbeza dari segi kualiti hubungan, namun ada sebab-sebab tertentu mengapa golongan gay lebih selesa mendedahkan orientasi seksual mereka kepada individu gay lain (Beals & Peplau, 2006) dan mereka menerima lebih banyak sokongan daripada kelompok gay itu sendiri berbanding dengan rakan-rakan heteroseksual (Ueno et al., 2009). Bandura (1977) menjelaskan bahawa rakan sebaya turut memainkan peranan dalam menentukan perkembangan peranan jantina seseorang. Kajian yang pernah dilakukan oleh Nor Baiyah dan Yahaya (2002) mendapati bahawa aspek pergaulan rakan sebaya mempengaruhi perlakuan golongan transeksual apabila responden mempunyai lebih ramai kawan perempuan berbanding dengan lelaki. Dalam hal ini, pengkaji melihat unsur penolakan daripada rakan sebaya sebagai elemen yang kuat dalam mempengaruhi tingkah laku gay. Penolakan daripada rakan sebaya terutama yang heteroseksual menyebabkan timbulnya kebimbangan dalam diri.

*Informan 3: Terfikir juga kadang-kadang bila orang lain tahu yang kita macam mana. Takut tak boleh terima. So, dengan kawan-kawan yang straight aku pura-pura straight juga.*

*Informan 4: Aku lebih suka berkawan dengan kelompok-kelompok aku sahaja. Tak perlu nak risau apa-apa. Lebih selesa begitu.*

*Informan 5: Ada je kawan-kawan aku yang tak berapa nak dekat dengan aku sebab diorang tahu aku gay. Nak buat macam mana, aku ada kawan-kawan yang boleh faham aku saja.*

Dalam bahagian ini, dihuraikan juga hubungan sosial yang terjalin antara rakan sebaya, iaitu hubungan percintaan dan aktiviti sosial. Hubungan sosial yang terjalin antara gay dengan rakan gay yang lain mempunyai perkaitan dengan kelangsungan (*survival*) mereka dalam masyarakat. Hubungan percintaan dan aktiviti sosial yang dilakukan bersama mempengaruhi ikatan antara pasangan gay dan juga rakan-rakan gay yang mengamalkan tingkah laku yang sama supaya hubungan terus terjalin.

### *Hubungan Percintaan*

Ada di antara lelaki gay yang begitu mengharapkan kasih sayang daripada pasangan gaynya dan bukan sahaja menginginkan kepuasan seksual semata-mata. Percintaan antara pasangan gay ini sama sahaja dengan konsep percintaan pasangan heteroseksual. Ini bermaksud akan ada gay yang bertindak sebagai 'lelaki' dan 'perempuan'. Istilah yang digunakan ialah 'gay top', 'gay bottom' dan 'gay flexi'. Seseorang yang bertindak sebagai suami ialah *gay top* manakala yang bertindak sebagai isteri ialah *gay bottom*. Namun, ada juga gay yang boleh berperanan keduanya yang dikenali sebagai 'gay flexi' (Mohd Nazri, 2004).

*Informan 6: Aku dah beberapa kali bercinta. Seronok rasanya bila ada orang yang jaga dan ambil berat pasal kita. Aku ni selalu jadi yang bawah. Isterilah kiranya.*

*Informan 7: Lelaki gay pun ada yang bercinta. Ada couple masing-masing. Aku kalau couple ni pernahlah juga, Aku ni top.*

*Infoman 8: Gay sama je dengan pasangan straight. Akan ada yang jadi isteri dan suami. Tapi aku flex.*

Menurut Mohd Nazri (2004), percintaan antara golongan gay kebanyakannya hanya untuk kepuasan seks semata-mata. Akhirnya hubungan yang dibina putus begitu sahaja kerana komitmen dan terdapat segelintir gay yang bersikap tidak jujur terhadap pasangan masing-masing dengan menjalin hubungan sulit dengan lelaki gay yang lain. Sukar untuk pasangan gay berlaku setia kepada pasangan masing-masing kerana sesetengah hubungan disifatkan sebagai 'janji manis' semata-mata. Terdapat juga sebilangan kecil golongan gay yang telah berkahwin, tetapi masih meneruskan hubungan songsang dengan lelaki lain. Perkahwinan bukanlah suatu halangan kepada pasangan gay untuk meneruskan hubungan percintaan. Mereka begitu memberikan komitmen terhadap hubungan supaya tidak diketahui oleh orang lain ataupun 'cover line'.

#### *Aktiviti Sosial*

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sesama golongan gay turut mempengaruhi tingkah laku gay. Mereka lebih suka melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama dalam aspek pembelajaran, tetapi termasuk juga aktiviti lain seperti membeli belah, melepak dan menonton wayang. Bagi golongan gay, aktiviti-aktiviti yang dilakukan bersama dapat mengisi waktu lapang, merehatkan minda serta melepaskan tekanan yang ada.

*Infoman 9: Selalu je aku dengan kawan-kawan aku lepak-lepak dekat kedai makan. Bukan nak makan sangat pun. Kita orang duduk sambil berbual. Tapi yang penting sebenarnya kita orang asyik tengok jantan yang lalu lalang dekat situ. Saja nak tengok-tengok cuci mata. Ikut selera masing-masing.*

*Infoman 10: Aku kalau dalam kawasan kampus selalu lepak dengan kawan-kawan gay aku untuk borak-borak. Kita orang akan pilih satu port yang sesuai dan buat apa yang kita orang suka.*

*Infoman 1: Kita orang kalau ada masa free hujung minggu akan berkumpul ramai-ramai pergi tengok wayang atau main bowling.*

Menurut Rokiah (1995), rakan-rakan sebaya ini berfungsi sebagai satu sistem sokongan yang kuat bagi seorang untuk menjalani kehidupan. Dalam dunia gay, rakan-rakan gay dijadikan tempat untuk meluahkan perasaan kerana disifatkan amat memahami antara satu sama lain. Oleh itu, kehadiran rakan-rakan gay ini mewujudkan perasaan diterima (a sense of belonging) oleh kumpulan. Aktiviti yang dilakukan bersama seperti melepak, berbual bersama dan meminati aktiviti yang serupa membolehkan golongan gay ini berkongsi norma-norma tertentu serta mencapai status dalam satu kelompok yang secara relatif bermakna bagi mereka. Tingkah laku yang sesuai membolehkan seseorang gay itu mengekalkan keanggotaannya dan merasakan diri mereka diterima dalam satu kumpulan. Golongan gay ini akan mempamerkan unsur atau

bertindak dengan cara tersendiri dan mempunyai kod pertuturan yang melambangkan ciri-ciri umum dunia gay yang diterima umum oleh golongan gay itu sendiri.

## **Media Massa**

Selain daripada pengaruh keluarga dan rakan sebaya, media massa juga dilihat menjadi pengaruh yang terlibat secara langsung dalam proses sosialisasi seseorang menjadi gay. Ada pendapat yang mengatakan media massa mempunyai pengaruh sosialisasi sama kuatnya seperti pengaruh rakan sebaya. Media massa yang merangkumi surat khabar, majalah dan terutama televisyen boleh meninggalkan kesan yang negatif dan positif ke atas sosialisasi seseorang. Pengaruh baik atau buruk yang diterima oleh kanak-kanak melalui media massa bergantung kepada jenis bahan yang didedahkan kepada mereka. Rancangan-rancangan televisyen mempunyai tema yang pelbagai. Tema yang baik seperti cerita di mana orang yang baik selalu mendapat kejayaan dan sebaliknya orang jahat menerima hukuman atau balasan dapat membantu perkembangan pertimbangan moral kanak-kanak. Kemajuan teknologi membolehkan informasi disebar secara lebih meluas dan mudah yang mendatangkan kesan kepada masyarakat. Hasil kajian menunjukkan bahan pornografi dan internet memberi pengaruh kepada tingkah laku gay.

### *Bahan Pornografi*

Media sosial turut memainkan peranan dalam mempengaruhi tingkah laku gay. Satu masa dahulu bahan-bahan pornografi banyak terdapat di pasaran dalam bentuk cakera padat VCD dan DVD yang berunsurkan seks khusus bagi golongan gay. Bahan-bahan tersebut dijual oleh peniaga-peniaga haram dan boleh dibeli dengan mudah di tepi-tepi jalan. Bahan lucah dalam bentuk VCD hanya berharga RM6.00 sahaja atau juga tersedia di laman-laman web lucah untuk digunakan oleh seorang gay bersama pasangan mereka. Perasaan ingin mencuba dalam kalangan sesetengah pasangan gay memperlihatkan pengaruh yang sangat kuat daripada bahan-bahan lucah yang juga termasuk majalah dan video.

*Informan 2: Aku memang ramai kawan gay bah tu dulu. Pernah jugalah kena kacau, kena raba-raba tapi dulu aku endak ada nafsu lagi sama diorang, anggap kawan jak tu. Sebab aku suka sama perempuan tu. Main pernahlah sekali dua sama perempuan.*

*Informan 3: sa dulu tak tau sangat bab-bab seks ni. Yang sa tau main depan jak sama perempuan. Endak pernah rasa lagi main belakang. Tulah bila tengok video porno yang sa dapat dari kawan-kawan kelas sa jadi mau pula merasa lebih-lebih yang main belakang punya. Mau try bah, sebab tengok macam siok jak. Jadi sa ni mau trylah konon sama pasangan perempuan sa masa tu. Tapi semua tolak. Tu yang sa cari lelaki gay untuk main tu.*

*Informan 4: Dulu aku tak tau sangat bab seks-seks ni. Aku belajar daripada cerita porno yang aku tengok dekat VCD. Lepas dah tengok rasa nak try pula. So aku cari partner yang sudi main dengan aku.*

### *Internet*

Kemudahan internet juga membolehkan bahan-bahan lucah ini beredar dengan bebas di alam maya. Ada yang menjual bahan-bahan lucah ini secara dalam talian. Cara ini memudahkan golongan gay mengakses bahan-bahan lucah ini tanpa sebarang sekatan. Rangkaian media sosial termasuk *Facebook*, *Twitter*, *Wechat*, *Tindr* dan *Instagram* telah menjadi medium untuk kalangan gay berkomunikasi antara satu sama lain di samping dapat mencari pasangan. Terdapat banyak halaman gay di facebook dan twitter misalnya yang menjadi pautan utama untuk mencari pasangan.

*Informan 5: Dulu susah. Sekarang semua benda hujung jari. Facebook ada. Macam-macam boleh kongsi. Nak tengok gambar-gambar saja boleh. Video pun ada yang dikongsi dalam page gay. Ada link untuk tengok.*

*Informan 6: Dekat facebook dan twitter ada private group yang kita boleh join kalau nak tengok gay. Ada yang boleh download free ada yang kena bayar. Aku tengok yang free je.*

*Informan 7: Cerita-cerita gay ni banyak je dekat internet. Kena pandai carilah tapi. Bukan itu sahaja, kini kewujudan aplikasi-aplikasi khas gay yang tersedia di Google Play Store dan boleh dimuat turun ke telefon pintar turut mempengaruhi tingkah laku gay.*

Aplikasi-aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma oleh para pengguna. Satu kajian secara dalam talian oleh Liao & Millet (2006) yang mengkaji aktiviti seksual dalam kalangan gay mendapati golongan ini menggunakan kemudahan internet untuk mencari pasangan bagi melakukan hubungan seksual.

*Informan 8: Tak payah susah-susah. Sekarang boleh kata setiap orang pakai smartphone. Langgan internet je setiap bulan. Download je grindr or blued. Wechat pun okay juga, boleh search people nearby. Aku selalu buat. Siap ada yang letak status cakap mereka cari lelaki sahaja atau pakai simbol PLU (People Like Us).*

*Informan 9: Kebanyakan yang guna aplikasi ni sebenarnya nak cari couple je. Ada juga ajak main je. Kalau dekat facebook tu nampak open sangat kalau add orang. ... orang tengok. So paling selamat gunalah apps grindr atau blued. Cara ni selamat sikit. Guna je apps tu untuk cari orang. Bila sama-sama dah setuju jumpa kat mana-mana go on jelah.*

*Informan 10: Banyak je apps sekarang ni. Pilih je nak pakai yang mana. Selain nak tambah member borak-borak, tujuan lain nak main juga.*

Golongan gay menggunakan kemudahan internet untuk mengakses bahan lucah seperti gambar bogel artis-artis terkenal luar negara. Gambar ini akan dijadikan koleksi peribadi mereka untuk dikongsi sesama mereka. Tidak cukup itu, ada juga dalam kalangan gay yang sanggup merakam dan memuat naik video peribadi dan orang lain yang berbentuk pornografi yang dijadikan sebagai tarikan kepada akaun masing-masing. Ini dapat memberi peluang kepada

mereka untuk menarik perhatian lebih ramai golongan gay yang menggunakan media sosial dan seterusnya memudahkan untuk mencari pasangan.

Golongan gay juga turut berkongsi kisah dan pengalaman seks mereka di dalam internet melalui penulisan dalam blog milik mereka. Kajian mendapati golongan gay juga menjadikan blog sebagai medium untuk memenuhi rasa erotika mereka dengan membaca cerita-cerita berkaitan seks untuk golongan gay. Antara blog yang menjadi perhatian ialah *Lelaki Melayu, Malaysia PLU Stories* dan *Men on The Net Erotic Stories*. Perhubungan sesama kelompok secara dalam talian membolehkan golongan ini berinteraksi secara lebih aman untuk berkongsi perasaan dan pengalaman (McKenna & Bargh 1998).

### **Pemilihan Kehidupan sebagai Gay**

Menurut Bell et al. (1981) dan Troiden (1998), orientasi seksual sama ada heteroseksual, homoseksual atau biseksual bukan sesuatu yang dipilih. Fenomena ini perlu difahami dari akar umbi yang memperlihatkan bahawa hanya individu tersebut yang mengetahui orientasi seksualnya dan bukanlah sesuatu yang bersifat pilihan. Seperti juga heteroseksual, golongan gay mempelajari dan menemukan orientasi seksual mereka. Mereka tidak direkrut, dipujuk atau berfikir untuk menjadi seorang gay (Bell et al. 1981). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses membuat keputusan untuk menjadi gay dipengaruhi oleh faktor dalaman yang berasal daripada dalam diri mereka dan diperkuatkan lagi oleh faktor persekitaran, iaitu melalui pengaruh agen-agen sosialisasi yang ada di sekitar mereka. Selain itu, identiti seseorang gay tidak akan terbentuk tanpa didorong oleh keinginan yang datang dari dalam diri mereka sendiri untuk menjadi seorang gay.

Pada mulanya seseorang gay belum memiliki pengetahuan yang tepat dan jelas mengenai orientasi seksualnya. Ia hanya mengikuti perasaan dan menikmati rasa sensasi terhadap ketertarikan pada kaum sejenis tanpa memikirkan kesan tindakannya. Rasa ketertarikan yang awalnya hanya dipendam kemudian diwujudkan dalam komitmen untuk menjalinkan hubungan (Nugroho et al. 2010). Ketertarikan fizikal mahupun seksual kemudian berubah menjadi keinginan untuk menjalin hubungan secara intim. Hubungan yang terjalin sama ada antara pasangan homoseksual atau rakan-rakan gay yang lain memberikan suatu bentuk sokongan kepada gay untuk meneruskan kehidupan mereka sebagai seorang homoseksual. Hubungan yang terjalin itu memberikan seseorang gay itu kepuasan dari aspek seksual mahupun emosi kerana merasakan diri mereka telah menemui sesuatu perasaan yang selama ini kurang diketahui dan tidak dapat diterokai dengan lebih mendalam. Dengan itu identiti sebagai seorang homoseksual diperkukuhkan lagi dengan merasakan hubungan sejenis yang terjalin mampu memenuhi keperluan emosi dan juga seksual. Sokongan sosial dari teman yang senasib segi material dan perkongsian maklumat mengenai gay membolehkan mereka semakin menikmati dan mengamalkan orientasi seksual mereka sebagai seorang homoseksual ataupun gay (Nugroho et al., 2010).



## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, makalah ini telah menghuraikan peranan agen-agen sosialisasi terhadap tingkah laku gay. Peranan agen-agen sosialisasi yang dominan seperti keluarga, rakan sebaya dan media massa mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku gay. Kesan proses sosialisasi itu terdapat individu yang tidak teragak-agak untuk mengaku, menerima, dan mengekspresi orientasi seksual mereka secara terang-terangan kepada orang lain, sungguhpun ada di antara mereka yang sedar bahawa apa yang mereka lakukan itu tidak diterima oleh agama dan masyarakat umumnya.

Sokongan dan dorongan daripada semua masyarakat terutamanya keluarga adalah amat diperlukan untuk membantu mereka menjalani kehidupan sebagai seorang lelaki normal dan bukannya menjadi sebahagian daripada kelompok masyarakat yang hidup di dalam kepura-puraan dan ketakutan. Dengan adanya sokongan sosial daripada semua pihak seterusnya akan dapat membantu golongan *gay* untuk kembali kepada fitrah semulajadi sebagai seorang lelaki 'normal'.

## **RUJUKAN**

- Abu Al-Fida Ismail ibn Kathir al-Quraishy. (2008). *Kisah Para Nabi. Terj. Johari Yaman*. Kuala Lumpur: Nadi Minda Resources.
- Ahmad Tarmizi Muhammad. (2016). Kes Kekeliruan Gender (Khuntha): Analisis dari Perspektif Islam dan Perubatan. *Jurnal Penyelidikan Islam*. No 27, Wilayah Persekutuan: JAKIM.
- Amran, H. & Salleh, A. (2015). Kefahaman terhadap aspek pendefinisian dan ciri utama golongan homoseksual. *e-Banggi: Journal of Social Science and Humanities*, 10(1), 195-207.
- Azlina Mohd Khir & Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan. (2019). Faktor Keterlibatan Belia Dalam Isu Gay di Kuala Lumpur. *Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*. 145-159.
- Azlina Mohd Khir, Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan, Aini Azeqa Ma'rof & Amna Md Noor. (2019). Kesan Keterlibatan Belia Dalam Aktiviti Gay di Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 2, 93-106.
- Bandura. A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall.
- Beals, K.P., & Peplau, L.A. (2006). Disclosure patterns within social networks of gay men and lesbian. *Journal of Homosexuality*. 51: 101-120.
- Beren, M. (2013). Gay and lesbian families in the early childhood classroom: Evaluation of an online professional development course. *Learning Landscapes*, 7(1), 61-79.
- Berger, P. & Luckmann, T. (1972). *The Social Construction of Reality*. Garden City, New York: Anchor.
- Berita Harian Online. (2018). *Bilangan gay dan Transgender Meningkat*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim> (Accessed October 2018).

- Crespi, I. (2003). *Socialization and Gender Roles Within The Family: A study on Adolescents and Their Parents in Great Britain. Italy*. Department of Sociology. Catholic University of Milan, Italy.
- Fatimah Abdullah. (1994). *Urbanisasi dan Kekeluargaan: Suatu Kajian Kes Kelas Menengah Melayu di Kuala Lumpur*. Tesis Ph.D Universiti Malaya.
- Ferrante, J. (2000). *Sociology: The United States in a Global Community*. California: Wardworth.
- Gezon, L. & Kottak. C. (2012). *Culture*. New York: The McGraw-Hill Companies, Inc.
- Global AIDS Response Progress Report (2016). Ministry of Health. Kuala Lumpur, Malaysia
- Hafeez, H., Zeshan, M., Tahir, M. A., Jahan, N., & Naveed, S. (2017). Health Care Disparities Among Lesbian, Gay, Bisexual, and Transgender Youth: A Literature Review. *Cureus*, 9(4), e1184. <https://doi.org/10.7759/cureus.1184>.
- Halsall, P. (1986). *Homosexual Eros in Early Greece*. Fordham University. <http://www.fordham.edu/halsall/pwh/greekeros.asp> [20 Januari 2018].
- Jaeger, G. t. th. makalah Agen Sosialisasi.
- Jerome, C. (2011). *Queer Melayu: queer sexualities and the politics of Malay identity and nationalism in contemporary Malaysian literature and culture*. DPHIL. University of Sussex.
- Judge, C. C. (2015). Thrown Away for Being Gay: The Abandonment of LGBT Youth and Their Lack of Legal Recourse. *Indiana Journal of Law and Social Equality*, 3(2), 5. Doi: <https://www.repository.law.indiana.edu/ijlse/vol3/iss2/5>.
- Kohlberg, L. (1996). *Kohlberg's Cognitive-Development Theory*. <http://humandevlopment.tripod.com/sexrole/kohlberg.htm> (24 Ogos 2018)
- Kosmo. (2008). Hak kebebasan alat politik moden. [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0426&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0426&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm) [19 September 2018].
- Lee, J. C. H. (2013). *Sexuality rights activism in Malaysia*. Dlm. Ford, M. (pnyt.). *Social Activism in Southeast Asia*, hlm. 169-185. New York: Routledge.
- Long, T.E. Hadden. J.K (1985). A reconception of socialization. *Sociological Theory*, 3 (1): 39-49.
- Masters, W. H. Johnson, V. E. Kolodny, R. C. (1995). *Human Sexuality*. Harper Collins College Publishers.
- Means-Christensen, A. J., Snyder, D. K., & Negy, C. (2003). Assessing Non-Traditional Couples: Validity of The Marital Satisfaction Inventory-Revised with Gay, Lesbian, and Cohabiting Heterosexual Couples. *Journal of Marital and Family Therapy*. 29(1): 69-83.
- Mohd Makzan Musa. (2006). *Homoseksualiti: cabaran keluarga masa kini*. Dlm. Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Jamaludin Tubah (pnyt.). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, hlm. 251-268. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Nazri Abu Bakar. (2004). *Dinamika Pengalaman Sosial Kelompok Gay: Suatu Kajian Kes*. Bangi.
- Nina Farzuin Md Sharom (2019). Amalan LGBT tidak akan diterima di negara ini: Mujahid. Berita Harian Online. Dicapai pada 1 April 2021 daripada

- <https://www.sinarharian.com.my/article/17182/BERITA/Nasional/Amalan-LGBT-tidak-akanditerima-di-negara-ini-Mujahid>.
- Nor Ba'ayah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood. (2002). *Pembangunan Loose Personaliti dan Gangguan Seksual di Kalangan Pelajar Transeksual: Temubual Personal dan Kumpulan Fokus.* Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi Mahkota Hotel Melaka.
- Noor Hafizah Haridi Kamal Azmi Abd. Rahman Rosni Wazir. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (Lgbt). *Jurnal Pengajian Islam* Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti kebangsaan Malaysia.
- Nugroho, Cahya, S., Siswati, Dra., M.Si., Hastaning Sakti., Dra., Kes., M., (2005). *Pengambilan Keputusan Menjadi Homoseksual pada Laki-laki Usia Dewasa Awal.* Fakultas Psikologi Universitas Diponegoro.
- Online Etymology Dictionary. (2013). Gay. Harper Douglas. [http://www.etymonline.com/index.php?allowed\\_in\\_frame=0&search=gay&searchmod=none](http://www.etymonline.com/index.php?allowed_in_frame=0&search=gay&searchmod=none) [accessed November 2018].
- Oxford American Dictionary. (2010).
- Rahman, Q., & Wilson, G. D. (2003). "Born Gay? The Psychobiology of Human Sexual Orientation". *Personality and Individual Differences*, 34(8): p. 1337–1382. doi:10.1016/S0191- 8869(02)00140-X.
- Rezki Perdani Sawai, Noorhawaney Yahaya & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2019) *Homoseksualiti: Teori, Rawatan dan Pencegahan.* Penerbit USIM.
- Rokiah Haji Ismail. (1995). Perilaku non-konformis golongan remaja Malaysia: Satu perenungan sosiologikal. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 22: 88-90. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosenthal, M.S. (2013). *Human Sexuality: From Cell to Society.* Australia: Wadsworth Cengage Learning.
- Syarifah Rohaniah Syed Mahmood. (2011). Effeminacy Among Male University Students of Malaysia: What Are The Underlying Contributing Factors. Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS 2011.
- Syed Muhammad Afifi Syed Ali. (2002). *Mak Nyah: Antara Kebenaran dan Prejudis.* Kertas Kerja Etika Perbandingan Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ueno, K., Gayman, M.m Wright, E. R., & Quantz, S, D. (2009). Friends' sexual orientation, relational quality and mental helth among gay, lesbian, and bisexual youth. *Personal Relationships*, 16 659-670.
- Wan Azmi Ramli. (1998). *Petaka abad ke 21.* Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- White, G. (1974). *Sociolisation: Aspects of Modern Sociology: Social Procesess.* London: Longman Group Limited.
- Woods, J. B. (2014). *Queering Criminology: Overview of the State of the Field.* Dlm. Peterson, D. Panfil, V.R. (pnyt.). *Handbook of LGBT Communities, Crime and Justice.* hlm. 15-41. New York: Springer.

- Yohan Kurniawan & Aminuddin Md Yusof. (2002). *Pengalaman Sosialisasi dan Analisis Ekspresi diri Pelajar Transeksual: Satu Kajian Kes.*” Kertas Kerja dibentangkan dalam seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka.
- Zerilli, S. (2007). Sociolization. *Blackwell Encyclopedia of Sociology*. London. Blackwell Publishing.
- Zuraidah, Che Zarrina & Chang (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah. *Afkar Journal*, 20(2), 279-322.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MOHD RAFIZEY DALIN (Pengarang Koresponden)**

Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
mohdrafizyDALIN1992@gmail.com

### **NUR HAFIZAH YUSOFF**

Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nur\_hafizah@ukm.edu.my